

16 MAY 1998

Mahathir-MoU

MoU PERLU DIAMBIL SERIUS, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur ahli-ahli perniagaan Malaysia yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak asing tetapi tidak serius dalam melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata "beliau tidak berapa gemar" dengan keadaan ahli-ahli perniagaan tidak mengambil serius MoU yang mereka tandatangani semasa mengiringi beliau dalam lawatan-lawatannya ke luar negeri.

Kebanyakan MoU yang ditandatangani oleh ahli-ahli perniagaan yang mengikut beliau dalam lawatan-lawatannya ke China, Amerika Selatan dan Asia Tengah langsung tidak dilaksanakan, katanya pada satu pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi beliau dalam lawatan tiga harinya ke Sudan yang berakhir pada Jumaat.

Dr Mahathir juga menceritakan mengenai seorang ahli perniagaan yang setelah mendapat satu kontrak besar, bukan sahaja tidak menjalankan projek itu tetapi cuba menjajakan kontrak berkenaan kepada pihak ketiga.

"Selepas mendapatkan kontrak ini bernilai RM7 bilion, beliau cuba menjajakan kontrak itu ke seluruh negara," katanya.

Dr Mahathir berkata sementara kerajaan menggalakkan ahli-ahli perniagaan Malaysia melabur di luar negeri, mereka harus sedar akan tanggungjawab untuk memelihara nama baik negara.

"Saudara harus sentiasa ingat bahawa apabila saudara melabur di luar negeri saudara sama seperti duta yang mewakili negara.

"Saudara harus menjadi warga korporat yang baik. Saudara sudah pastinya mahu membuat keuntungan tetapi pada masa yang sama saudara perlu menentukan nama baik Malaysia dipelihara," katanya.

Perdana Menteri juga memberikan beberapa nasihat kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia mengenai bidang-bidang yang boleh diceburi di Sudan, negara terbesar di Afrika.

Pada pendapatnya Sudan merupakan negara yang mempunyai potensi besar bagi pelaburan dalam bidang pertanian yang produknya terutama lembu dan buah-buahan mudah menembusi pasaran di Malaysia.

"Sudan mempunyai 120 juta ekor lembu dan kualiti daging di sini amat baik. Adalah menguntungkan bagi ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk mendapatkan bekalan daging serta buah-buahan dari Sudan," katanya.

Bagi bidang perkapalan pula, Perdana Menteri berkata dengan meningkatkan perdagangan antara Malaysia dan Sudan, lebih banyak kapal dari Malaysia boleh berlabuh di Pelabuhan Sudan dan membawa masuk barangan Sudan bukan hanya ke Malaysia tetapi juga ke pelabuhan-pelabuhan lain.

Dr Mahathir juga berjanji untuk berbincang dengan Tan Sri Hassan Marican, presiden dan ketua eksekutif Petronas yang kini memiliki Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) untuk meninjau kemungkinan menggunakan pengangkutan sungai bagi mengangkut barangan dari Sudan dengan menggunakan bot-bot khas sebagai menggantikan pengangkutan jalan.

Petronas, syarikat minyak negara, juga terlibat dalam usahasama US\$3 bilion dengan tiga lagi syarikat bagi pembangunan industri minyak Sudan termasuk pemasangan saluran paip sepanjang 1,500km bagi membolehkan negara mengeksport minyak mulai Jun tahun depan.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai potensi sungai Nil, sungai terpanjang dunia, sebagai pengangkutan sungai yang berdaya maju untuk meningkatkan dagangan.

Sungai sepanjang 6,632km itu yang merentasi Sudan dan beberapa lagi

negara tengah Afrika, berakhir di laut Mediteranean.

Perdana Menteri juga mahu melihat syarikat-syarikat Malaysia melakukan terhadap Sudan perkara yang sama dilakukan syarikat-syarikat Jepun kepada Malaysia.

Katanya syarikat-syarikat Jepun mewujudkan kekayaan besar di Malaysia dengan membuka kilang-kilang yang dalam proses itu meningkatkan pembangunan ekonomi negara.

"Ini juga telah menjadikan Malaysia sebuah daripada pasaran terbesar bagi barangan Jepun. Saudara boleh membantu Sudan membesar dan Sudan akan menjadi pasaran yang baik bagi Malaysia.

"Jika saudara mengambil bahagian dalam pembangunan Sudan dan ia menjadi kaya, Malaysia boleh menjual banyak barangan ke Sudan," kata Dr Mahathir yang sering digelar jurujual nombor satu Malaysia.

-- BERNAMA

AU RON